

21 JUL 1999

Zaharah-BN

WANITA BN HARUS TUNJUKKAN KESETIAAN KEPADA PARTI, KATA ZAHARAH

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Anggota Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) yang menyertai Khemah Bina Negara Wanita Malaysia harus menggunakan peluang itu untuk melafaz dan menunjukkan kesetiaan mereka kepada parti.

Ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata wanita juga harus menggunakan khemah itu untuk mempereratkan kerjasama dan merapatkan lagi hubungan selaras dengan amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan BN sentiasa utuh.

"Penting bagi wanita bersatu dan sedia berkorban mendukung matlamat parti," katanya semasa berucap pada pelancaran khemah itu di sini. Ia dirasmikan Dr Mahathir.

Turut hadir pada majlis itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat.

Zaharah yang juga Ketua Wanita Umno dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri berkata BN bukan saja telah membuktikan keunggulannya dalam pentadbiran negara tetapi juga turut menghargai peranan wanita dan meletakkan taraf mereka di tempat sewajarnya.

"Tidak seperti pemimpin pembangkang yang tidak menghargai wanita dan meletakkan wanita setaraf dengan wanita di zaman jahiliah," katanya.

Beliau mengingatkan wanita agar sentiasa berwaspada terhadap muslihat anasir luar yang mahu meruntuhkan negara ini.

Khemah yang julung kali diadakan itu akan berlangsung di Langkawi selama tiga hari sehingga Sabtu ini disertai 250 peserta termasuk fasilitator dari semua pergerakan wanita parti-parti komponen BN.

Menurut Setiausaha Wanita BN Zuraidah Musib, khemah itu adalah persediaan peringkat terakhir untuk mengemaskan jentera parti sebelum menghadapi pilihan raya akan datang.

Sepanjang kursus itu, peserta akan diberi penjelasan mengenai perkembangan terkini dalam parti dan persediaan yang telah dilakukan bagi menghadapi pilihan raya.

-- BERNAMA

NM MAI